



DIDAKWA: Sebahagian daripada 23 tertuduh dikawal ketat anggota polis ketika berada di Kompleks Mahkamah Kuching bagi prosiding semalam.

23 lelaki nafi menjadi ahli kumpulan jenayah terancang Geng 24 Hung Hung

KUCHING: Seramai 23 lelaki berusia antara 18 hingga 44 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi di sini semalam atas pertuduhan menjadi ahli kumpulan jenayah terancang Geng 24 Hung Hung.

Kesemua tertuduh membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Kuching Amelati Parnell dan Hakim Dato Faridz Gohim Abdullah.

Semasa prosiding, pihak pendakwaan memaklumkan bahawa kesemua tertuduh tidak ditawarkan jaminan mengikut Seksyen 13 (1) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Pendakwaan turut memohon satu tarikh sebutan baharu ditetapkan bagi penyerahan dokumen mengikut Seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah.

Kedua-dua mahkamah kemudiannya menetapkan 23 Julai 2026 untuk sebutan semula bagi kesemua kes.

Mahkamah turut memerintahkan kesemua tertuduh dihantar semula ke penjara untuk direman lanjut semen-

tara menunggu sebutan kes seterusnya.

Selain itu, mahkamah turut membenarkan permohonan pihak pendakwaan supaya kesemua kes berkenaan dibicarakan bersama, manakala mahkamah yang akan mengendalikan perbicaraan itu akan ditentukan kemudian.

Berdasarkan pertuduhan, mereka didakwa menjadi ahli kumpulan jenayah terancang Geng 24 Hung-Hung antara Disember 2021 hingga 20 April 2026 di Ladang Kelapa Sawit, Kampung Temaga Cina/Dayak, Sematan.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 130V(1) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara minimum lima tahun dan maksimum 20 tahun jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Shafiq Hasim dan DPP Mohammad Mustafa P Kunyalam.

Terdahulu pada 15 Mei 2026, kesemua tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuching atas pertuduhan menjadi ahli kumpulan jenayah terancang dikenali sebagai Geng 24 Hung Hung.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada kesemua tertuduh yang didakwa secara berasingan kerana kes berkenaan berkaitan dengan kes SOSMA yang merupakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Kesemua tertuduh diwakili peguam, antara lainnya Dato Shankar Ram dan Ranbir Singh, Ralph Lee, Patrick Voon, Daniel Ling, Alex Kong dan Tiong Ing Neng.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Datuk M Kumar sebelum ini berkata, 23 suspek lelaki tempatan berusia antara 19 hingga 44 tahun ditahan menerusi Ops Pusak Merah yang dijalankan dari 19 hingga 23 April lalu.

Menurutnya, kumpulan itu dipercayai aktif sejak 2020 dan mempunyai 26 ahli yang terdiri daripada penjenayah berulang.

Beliau berkata, polis turut merampas sepucuk senjata api jenis 'pump gun', sejumlah peluru 12 bore, dua bilah pedang samurai dan dua bilah parang panjang dalam operasi berkenaan.